



Anwar mengadakan perbincangan dengan Wang Xiaohong di Perdana Putra, semalam.

(Foto BERNAMA)

PM terima kunjungan Penasihat Negara China

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap peluang kerjasama antara Malaysia dan China dapat dipertingkatkan lagi demi manfaat kedua-dua negara.

Harapan itu disuarakan Perdana Menteri ketika menerima kunjungan hormat Penasihat Negara merangkap Menteri Keselamatan Awam China, Wang Xiaohong di pejabatnya semalam.

“Hari ini (semalam) saya me-

nerima kunjungan hormat Penasihat Negara merangkap Menteri Keselamatan Awam China, Wang Xiaohong di pejabat saya seraya diapit Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Duta Besar China Ke Malaysia, Ouyang Yujing.

“Dalam pertemuan ini, kami bertukar pandangan mengenai isu semasa dan antarabangsa yang terkait, terutama berkai-

tan keselamatan yang memerlukan kerjasama antara kedua-dua negara,” katanya dalam Facebook.

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan mengemukakan surat jempitan kepada Presiden China, Xi Jinping untuk mengunjungi Malaysia tahun depan sempena sambutan ulang tahun hubungan diplomatik kedua-dua negara.